

Kerajaan utamakan projek rakyat

BERITA HARIAN

03 JUL 2025

m/s: 3

Dasar seperti rasionalisasi subsidi atau tarif dilakukan untuk pembinaan prasarana

Daripada Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my
di Rom, Itali



Pentadbiran Kerajaan MADANI sanggup membuat keputusan yang keras meskipun kadangkala tidak popular bagi memastikan pembangunan serta projek yang memberi manfaat kepada rakyat boleh dilaksanakan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri yang berada di sini untuk lawatan kerja selama tiga hari, berkata meskipun berdepan kritikan terhadap langkah kerajaan melaksanakan dasar tertentu seperti rasionalisasi subsidi atau tarif, ia harus dilakukan demi manfaat kepada rakyat.

"Semua kerajaan dan semua Perdana Menteri sebelum ini menyatakan bahawa subsidi yang dinikmati oleh warga asing akan ditarik balik, namun tiada siapa yang mengambil tindakan sewajarnya.

"Pelbagai tindakan telah diambil oleh Kerajaan MADANI, termasuk melaksanakan rasionalisasi subsidi dan cukai bagi membina lebih banyak sekolah, universiti serta hospital yang akan membantu rakyat," katanya pada ramah mesra bersama diaspora

Malaysia di sini, malam kelmarin.

Majlis itu diadakan sempena lawatan rasmi Perdana Menteri ke Itali atas jemputan rakan sejawatnya, Giorgia Meloni.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Duta Besar Malaysia ke Itali, Datuk Zahid Rastam; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Ketika majlis makan malam itu, Anwar turut berkongsi pelbagai program dan dasar yang sedang dilaksanakan oleh pentadbiran Kerajaan MADANI yang diketuainya bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif.

"Kepada diaspora Malaysia di Itali, anda adalah duta dan aset kami. Anda mempunyai peranan yang besar untuk membawa negara ke platform antarabangsa.

"Justeru, saya titipkan pesan agar anda terus merebut setiap peluang dan ruang untuk memperkukuh ilmu, kemahiran dan jaringan demi menyumbang semula kepada tanah air serta tadbir urus yang baik," katanya.

Kebebasan perdagangan

Sementara itu, dalam ucapan pembukaan pada Sidang Meja Bulat Kerjasama Ekonomi Malaysia-Itali, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Itali senada bahawa keamanan dan kestabilan adalah kunci kepada kebebasan perdagangan yang menjadi asas kepada kemajuan ekonomi global selama ini.

Beliau berkata, Malaysia wajar diberi perhatian lantaran kedudukan yang strategik di dalam



Anwar ketika hadir pada majlis ramah mesra bersama diaspora Malaysia di Rom, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

ASEAN, selain menunjukkan kemajuan ekonomi yang progresif.

"Malaysia, sebagai pusat kepada ASEAN, sangat komited terhadap kerangka ASEAN. Kita amat bertuah, ya walaupun terdapat sedikit isu kecil di sana sini (dalam ASEAN), ASEAN merupakan rantau paling aman di dunia dan ekonomi yang berkembang paling pesat di dunia.

"Dasar kita mengenai kepusatan (centrality) melibatkan keterlibatan dengan semua negara. Kita juga bertuah kerana kedudukan kita agak jauh dari Gaza dan Ukraine.

"Walaupun begitu, kita tetap berpegang kepada prinsip demokrasi dan reformasi dan yang lebih penting, kepada keamanan dan kestabilan dunia," katanya pada sidang itu yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar

dan Kerjasama Antarabangsa Itali, Antonio Tajani.

Tajani dalam ucapan di majlis sama, senada dengan Anwar apabila menyatakan matlamat utama Itali adalah untuk membuka peluang perdagangan baharu melalui rangkaian perjanjian perdagangan termasuk bersama Kesatuan Eropah (EU) terutama di rantau Asia Pasifik.

"Asia merupakan salah satu kawasan rujukan utama bagi urusan ekonomi Itali di peringkat global, baik kerana peranannya yang penting dalam geografi perdagangan antarabangsa mahupun permintaan yang semakin meningkat terhadap barangan dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi dari ekonomi yang sedang berkembang pesat di rantau tersebut," katanya.

Melihat hubungan Kuala Lumpur-Rom yang amat positif, Ta-

jani yakin lebih banyak kerjasama yang boleh diteroka kedua-dua negara.

Tahun lalu, jumlah dagangan di antara Malaysia dan Itali mencatatkan peningkatan dua peratus kepada RM14.61 bilion (AS\$3.18 bilion) berbanding 2023, manakala bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini, jumlah dagangan terus menunjukkan prestasi positif dengan peningkatan 3.3 peratus kepada RM6.50 bilion (AS\$1.48 bilion) berbanding tempoh sama bagi 2024.

Itali adalah rakan dagang kelima terbesar Malaysia dalam kalangan negara Kesatuan Eropah dan pengimport ketiga terbesar minyak sawit Malaysia dari blok tersebut bagi 2024.

Perdana Menteri dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan Meloni di Istana Chigi, Rom, hari ini.